



KERTAS UNTUK MAKLUMAN MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI UPM

CADANGAN PENGEMASKINIAN DOKUMENTASI SISTEM PENGURUSAN KUALITI (QMS) MS ISO 9001:2008 YANG BELUM DIPINDA SEJAK TAHUN 2011 HINGGA 2013

1.0 TUJUAN

Kertas ini adalah bertujuan untuk memaklum kepada Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Universiti Putra Malaysia Kali ke-30 berkaitan cadangan pengemaskinian dokumentasi Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001:2008 yang belum dipinda sejak tahun 2011 hingga 2013.

2.0 LATAR BELAKANG

Berdasarkan kepada semakan ke atas keseluruhan dokumentasi MS ISO 9001:2008 yang digunakan dalam Sistem Pengurusan ISO (e-ISO) Universiti Putra Malaysia, dapti masih terdapat dokumentasi yang belum pernah dipinda/disemak sejak tahun 2011 hingga 2013 yang melibatkan sebanyak 221 dokumen merangkumi Prosedur, Arahan Kerja dan Garis Panduan. Justeru, dengan mengambilkira keperluan perubahan semasa serta penyediaan dokumen mengikut format terkini, satu bengkel semakan dokumen telah dijadualkan pada 07 Disember 2016 melibatkan seramai 17 orang Timbalan Pegawai Kawalan Dokumen Peneraju Proses seperti berikut:

- (i) Pejabat Naib Canselor;
- (ii) Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik;
- (iii) Sekolah Pengajian Siswazah;
- (iv) Pejabat Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat);
- (v) Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni);
- (vi) Pejabat Pendaftar;
- (vii) Pejabat Bursar;

- (viii) Penerbit UPM;
- (ix) Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi;
- (x) Pusat Pembangunan Akademik;
- (xi) Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset;
- (xii) Pusat Islam;
- (xiii) Bahagian Keselamatan Universiti;
- (xiv) Pusat Kesihatan Universiti;
- (xv) Taman Pertanian Universiti;
- (xvi) Fakulti Perubatan Veterinar; dan
- (xvii) Pejabat Penasihat Undang-Undang.

3.0 PELAKSANAAN SEMAKAN DOKUMENTASI SISTEM PENGURUSAN KUALITI MS ISO 9001:2008 BAGI DOKUMEN YANG BELUM DIPINDA SEJAK 2011 HINGGA 2013

Statistik jumlah dokumentasi Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 mengikut skop yang terlibat untuk pindaan semasa bengkel semakan dokumentasi pada 07 Disember 2016 adalah seperti di **Lampiran A**.

Manakala cadangan carta perbatuan bagi proses semakan ke atas semua dokumentasi yang belum pernah dipinda/tidak mengikut format prosedur yang terkini adalah seperti di **Lampiran B**.

4.0 SYOR

Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Universiti Putra Malaysia adalah dimohon untuk mengambil maklum berkaitan cadangan semakan dan pengemaskinian dokumentasi MS ISO 9001:2008 secara keseluruhan.

Lampiran A

**STATISTIK SENARAI DOKUMEN TASI ISO YANG TIDAK DIPINDA SEJAK TAHUN
2011 HINGGA 2013**

Skop	Dokumentasi ISO									JUMLAH	
	Prosedur			Arahan Kerja			Garis Panduan				
	2011	2012	2013	2011	2012	2013	2011	2012	2013		
Proses Utama (PU)	0	0	0	9	1	4	2	1	3	20	
Sokongan (SOK)	0	2	0	11	4	1	15	3	4	40	
Operasi Perkhidmatan Sokongan (OPR)	5	5	6	62	21	8	34	9	11	161	
JUMLAH	5	7	6	82	26	13	51	13	18	221	

LAMPIRAN B**Cadangan Carta Perbatuan Proses Semakan dan Pengemaskinian Dokumentasi ISO**

BIL.	AKTIVITI/PERKARA	Tarikh	PELAKSANAAN												
			2016	2017											
			DIS	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
1.	Bengkel Semakan Dokumentasi ISO yang belum pernah dipinda sejak Tahun 2011 hingga 2013	07 Disember 2016	DIS												
2.	Proses pengemaskinian dokumen & kelulusan di peringkat Peneraju Proses	08 – 31 Disember 2016	DIS												
3.	Kuatkuasa perubahan dokumen	13 Januari 2017		DIS											
4.	Semakan dokumen yang tidak mengikut format dokumen terkini (semua skop) dari semakan terakhir tahun 2014 dan 2015	24 Mac 2017				DIS									
5.	Proses kemaskini dokumen oleh peneraju proses yang terlibat	April – Julai 2017					DIS	DIS	DIS	DIS					
6.	Kuatkuasa perubahan dokumen	18 Ogos 2017									DIS				
7.	Sasaran Penyeragaman format dokumen ISO secara menyeluruh dan terkini	September – Disember 2017										DIS	DIS	DIS	DIS